

	Muka
Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei menyambut Bulan Puasa	1
Pendaftaran Party Ra'ayat Brunei	2
Pegawai2 Kerajaan Brunei ka United Kingdom	4
Pembukaan Sekolah2 Baharu oleh DYMM Sultan Brunei	5
Mashuarat Jawatan Kuasa Pilehan Pension	5
Geran2 Tanah di Mulaut dan di Kilanas	5
Penduduk2 Bandar Brunei diberi amaran jangan membuang ayer	6
Larangan kapada orang ramai : Jangan naik menara Padang Terbang) Brunei di Berakas)	6
Kenyataan Penguasa Pejabat Post	7
Bangunan2 Pejabat Post yang baharu	7
"Bomb" dijumpai di Berakas	7
Peraduan tanaman di Brunei	8
Jualan Padi yang lebih kapada Kerajaan	8
Jema'ah2 Haji tahun ini	9
Kenyataan baharu Pejabat Kenderaan	10
C.P.O. Negeri Brunei yang baharu	10
Pemerhati2 ka Persidangan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak	10
Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei	11
Pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan	12
Mr. Marshall tiba di Brunei	12
Keputusan Lukisan Poster Hari Kesehatan Sa Dunia	12

-----9-----

"Telatilah menyambut Bulan Puasa. Bulan mulia ini tiba bulan Ramadhan tiap2 tahun. Bulan yang mulia ini disambut dengan rasa gembira kepada semua umat Islam yang di-berkas. Kepada Allah atas keselamatan dan kebahagiaan umat Islam yang dikasahi.

"Sekianlah pemberitahuan kami kepada mudab2an kita semua dalam menyambut awal yang suci ini. Kami selamat pula menyambut perayaan Hari Raya Puasa yang akan tiba dan kami berharap dengan ucapan Selamat Berpuasa - Selamat. OMAH ALI SAHIBUDIN".



Tahun 1. No. 5.

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

16 April, 1956.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEIMENYAMBUT BULAN PUASA

Umat Islam diseluruh Negeri Brunei telah mulai berpuasa pada hari Khamis 12 April tahun ini.

Sebagai menyambut hari yang berbahgia itu maka Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin telah menitahkan saperti berikut:-

" ASSALAMU'ALAIKUM WARAHAMATULLAHI WABARAKATOH, Sebagai biasa, apabila tiba bulan Ramdhan tiap2 tahun kedatangan bulan yang mulia ini disambut dengan rasa shukur oleh seluruh Umat Islam, sambil menguchapkan "SELAMAT BERPUASA" kepada semua Umat Islam yang dikasehi, kita berdo'a kepada Allah atas keselamatan dan kebahagiaan Umat Islam yang dikasehi.

" Dengan melakukan amal puasa di bulan Ramdhan adalah bererti kita menyempornakan satu daripada rukun Islam yang lima.

" Sabahagian besar dari maksud Puasa adalah meninggalkan keinginan hawa nafsu dan mengutamakan kechintaan kita kepada Allah dan kerela'annya. Puasa dishariatkan sebagai tanda bershukur kepada Allah atas segala nikmat yang telah dikurniakanNya kepada kita. Beramal-lah atas segala perkara kebajikan dan bershukurlah kepada Allah, dengan memperbanyakkan membacha ayat2 suchi Al-Quaran, melakukan pekerjaan amal yang sallah sambil memohonkan Rahmat Allah bagi perkara2 kebajikan dan keselamatan bersama.

" Ta'atilah perentah Allah Ta'ala, dan ikutilah Undang2 Ugama Islam, tegahan dan larangan2 yang tertulis dalam Undang2 Ugama Islam Negeri Brunei yang telah berjalan kuat kuasanya itu, sempornakanlah oleh sekalian Umat Islam di Negeri ini, mudah2an dengan demikian terpeliharalah kita Umat Islam dari kejahilan dan kelalaian dan mudah2an dapatlah kita Ilham Allah Ta'ala semoga kita hidup dengan Iman dan ta'at kapadanya.

" Sekianlah nasehat kita dan berdo'a mudah2an kita semua dalam menjalankan amal yang suchi ini akan selamat pula menyambut perayaan Hari Raya Puasa yang akan tiba dan kita akhiri dengan ucapan Selamat Berpuasa - Wassallam. OMAR ALI SAIFUDDIN".

PENDAFTARAN PARTY RA'AYAT BRUNEI

Akhbar Utusan Melayu, Singapura dalam keluarannya bertarikh 27 haribulan March, 1956 telah menyiarkan satu berita dibawah tajok : "PENDAFTARAN PARTY RA'AYAT BRUNEI DILULUSKAN DENGAN SHARAT JANGAN CHAMPUR GERAKAN PARTY RA'AYAT BUSTAMAM".

Berita itu telah ditulis oleh seorang Pemberita akhbar tersebut yang telah melawat Seria, Brunei tidak berapa lama dahulu bersama2 dengan satu rombongan Wartawan2 dari Singapura atas jemputan dari Sharikat Minyak di Seria.

Dalam siarannya, berita itu menyebut : "Pemerintah British di Brunei telah bersetuju meluluskan pendaftaran Party Ra'ayat Brunei dengan syarat ia tidak menchampuri gerakan dan membuat hubungan dengan Party Ra'ayat Malaya".

Berita itu telah menyebut lagi diantaranya, "Pendaftaran Party Ra'ayat Brunei akan diluluskan dalam masa saminggu lagi, demikian diterangkan oleh saudara A.M. Azahari, Ketua Umom Party Ra'ayat Brunei dalam satu pertemuan khas dengan saya...
...Saudara Azahari menegaskan bahawa Sultan Brunei sendiri telah menyetujui pendaftaran Partynya itu. Persetujuan Pemerintah British telah diberi setelah diadakan perundingan antara saudara Azahari dengan Pegawai Pemerintah British di Brunei...
...Salepas pertemuan ini, Pegawai British itu telah berjumpa pula dengan Sultan Brunei. Baginda telah memberi tahu bahawa pada pendapatnya tidak ada halangan bagi Party tersebut didaftarkan. Pemerintah British kemudiannya telah mengemukakan beberapa pindaan kepada Undang2 Party itu sebelum pendaftarannya dapat diluluskan.....".

Untuk pengetahuan umom, berita yang menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah menitahkan persetujuannya salepas pertemuan diantara Baginda dengan Pegawai British tersebut itu tidaklah benar sama sekali.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sendiri telah mengeluarkan Perishtiharan rasmi berhubung dengan masaelah penubuhan Party Ra'ayat Brunei yang diberitakan telah menggunakan nama Baginda sebagai memberi persetujuannya kepada Party itu.

Diantara lain2nya, Baginda menyatakan yang Baginda tidak mengambil bahagian dalam perselisihan politik, dan tidak ingin namanya digunakan dalam masaelah tersebut.

Kita suka hendak menarek perhatian umom bahawa sasungguhnya satu pertemuan rasmi antara Pemerintah Negeri Brunei dan Inche' Azahari telah diadakan, tetapi TIDAK merupakan persetujuan oleh pihak Kerajaan terhadap pendaftaran Partynya itu.

Kerajaan Brunei hanya menyatakan bahawa ia akan menimbangkan permohonan mendaftarkan Party Ra'ayat Brunei apakala diterima tujuan2 dasar baharu Party itu setelah dipinda mengikut kehendak Undang2 Perlembagaan Negeri.

Dalam pertemuan itu yang telah diadakan pada 5 haribulan March, 1956 diantara Tuan Pesuroh Jaya Tinggi Brunei dan Tuan British Resident Brunei bagi pihak Kerajaan, dengan Inche' Azahari, maka Inche' Azahari menyatakan bahawa Partynya itu telah berkeputusan tidak akan bergabung dengan Party Ra'ayat Malaya sebagai chawangnya serta tidak akan membuat apa2 perhubungan dengan Party Ra'ayat Malaya itu lagi.

Inche' Azahari...

Inche' Azahari menegaskan lagi bahawa ia tidak akan memikirkan bekerja untuk menyatukan daerah Kalimantan Utara dengan Malaya, sebagaimana yang ia telah menyatakan dahulu. Bahkan ia berkata Partynya itu akan bekerja untuk kepentingan saluroh Kalimantan British, iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, dengan tujuan menggabongkannya kepada satu Persekutuan dengan mempunyai pengumpulan dari semua hasil buminya menjadi satu.

Inche' Azahari kemudian telah menyatakan Partynya itu akan menghantarkan tujuan2 dasar yang baharu yang mengandongi segala pindaan2 itu kepada Kerajaan Brunei.

Dalam pertemuan dengan Tuan Pesuroh Jaya Tinggi Brunei dan Tuan British Resident Brunei itu, Inche' Azahari telah bertanya kepada Tuan Pesuroh Jaya Tinggi Brunei sama ada dapat dibenarkan atau tidak Partynya itu meluaskan siasahnya ka Sarawak dan ka Borneo Utara.

Tuan Pesuroh Jaya Tinggi Brunei menjawab tidak ada halangan bagi sebuah party politik hendak didirikan di Sarawak, asalkan tidak berlawanan dengan dasar Kerajaan Sarawak.

Inche' Azahari telah dinasehatkan supaya menghantarkan permohonan pendaftaran Partynya itu kepada Kerajaan Sarawak untuk dipertimbangkan.

Dengan hal tersebut bukanlah berma'na yang Kerajaan Sarawak memersetujui Party Ra'ayat Brunei didaftarkan di Negeri Sarawak sebelum Kerajaan Sarawak menerima surat permohonan Party itu.

Lebih lanjut lagi Tuan Pesuroh Jaya Tinggi Brunei menyatakan kepada Inche' Azahari bahawa bagi Borneo Utara, Kerajaan Brunei tidaklah dapat hendak menentukan sama ada boleh Party Ra'ayat Brunei didaftarkan disana atau tidak. Itu terpulanglah kepada Kerajaan Borneo Utara menentukannya.

Akhbar Utusan Melayu, Singapura dalam keluarannya bertarikh 29 March, 1956 memberitakan iaitu Ibu Pejabat Party Ra'ayat Malaya di Kuala Lumpur telah mengeluarkan satu kenyataan mengalu2kan berita persetujuan Pemerintah British Brunei meluluskan pendaftaran Party Ra'ayat di Brunei " walau pun dengan mengenakan beberapa syarat " dan juga berita itu menyebutkan bahawa Ahmad Bustamam, Ketua Umom Party Ra'ayat Malaya, dikatakan telah berkata, " Party Ra'ayat Brunei sunggoh pun tidak berhubung dengan Party Ra'ayat Malaya, tetapi kedua2nya tetap mempunyai pokok atau tali nyawa yang sama. Dia mengucapkan selamat bergerak dan berjuang terus kepada Party Ra'ayat Brunei ".

Menurut kepada kenyataan dari Ibu Pejabat Party Ra'ayat Malaya itu dan oleh Ketua Umomnya mengalu2kan pendaftaran Party Ra'ayat Brunei, perkara itu tidaklah kena pada tempatnya.

DISINI DAPATLAH KITA TERANGKAN BAHAWA TUJUAN2 DASAR PARTY RA'AYAT BRUNEI MENGANDONGI PINDAAN2 BAHARU ITU BELUMLAH LAGI DIDAFTARKAN DENGAN RASMI, WALAU PUN TELAH DITERIMA DAN SEDANG DALAM PERTIMBANGAN OLEH PEHAK YANG BERKUASA.

Tujuan2 dasar yang baharu itu mengandongi beberapa perbedzaan daripada tujuan2 dasar yang pertama. Oleh itu, jika tujuan2 dasar yang pertama itu sama dengan tujuan2 dasar Party Ra'ayat Malaya, maka ternyatalah yang tujuan2 dasar Party Ra'ayat Brunei yang baharu itu berlainan dari tujuan2 Party Ra'ayat Malaya.

PEGAWAI2 KERAJAAN BRUNEI KA UNITED KINGDOM

Dua orang Pegawai2 Kerajaan dari Perkhidmatan Pertadbiran Brunei ("Brunei Administrative Service") akan berangkat dari Brunei ka Singapura dengan kapal terbang pada 26 April akan datang dalam perjalanan mereka ka United Kingdom dimana mereka akan menghadiri Kursus Pertadbiran selama enam bulan.

Tujuan Kerajaan Brunei menghantarkan Pegawai2 Pertadbiran Negeri ini ka United Kingdom untok mempelajari kursus sechara tersebut ialah supaya Pegawai2 Kerajaan dari Negeri ini dapat mengetahui dengan luas hal ehwal yang bersangkutan dengan perkhidmatan negeri.

Kedua Pegawai2 Kerajaan itu ialah Inche' Abbas bin Haji Ibrahim, A.D.C., kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei; dan Inche' Ajmain bin Abdul Razak, Penulong Pegawai Penempatan Negeri Brunei.

Beliau2 itu dijangka akan berada di Singapura selama tiga hari sahingga 29 April dan dari sana akan berlepas ka United Kingdom dengan menaiki kapal terbang.

Semasa berada di United Kingdom, Pegawai2 tersebut akan melawat ka beberapa Pusat2 Pertadbiran dan juga menghadiri Majlis2 Sharahan Yang Khas.

Inche' Abbas telah dilahirkan di Brunei dan beliau ialah anak yang tua sekali kapada Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Beliau telah mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei pada tahun 1948 dan pada 1 haribulan January, 1951 dilantek menjadi saorang Pegawai Perkhidmatan Pertadbiran Negeri ini dan juga mulai pada masa itu beliau dilantek menjadi A.D.C., kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Inche' Ajmain telah dilahirkan di Papar, Jesselton, Borneo Utara dan telah mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei pada tahun 1946 sebagai saorang Kerani di Audit Office, Bandar Brunei. Beliau telah ditukarkan ka Kuala Belait pada bulan October tahun itu menjadi Kerani Besar di Forest Office.

Samenjak masa tersebut Inche' Ajmain telah memegang beberapa jawatan2 dalam Kerajaan Brunei dan dari bulan February tahun ini sahingga kamasa sekarang, beliau berkhidmat sebagai Penulong Pegawai Penempatan Negeri Brunei.

Sayugia disebutkan bahawa pada tahun 1955, Kerajaan Brunei telah menghantarkan dua orang Pegawai2 dari Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei menghadiri Kursus Pertadbiran di United Kingdom selama enam bulan.

Pegawai2 tersebut ialah Mr. Patrick McAfee, bekas Penulong Pegawai Daerah, Kuala Belait dan sekarang ini sedang berkhidmat di Establishment Office, Bandar Brunei; menekala saorang lagi Pegawai ialah Inche' Sunny bin Ahmat, bekas Pegawai Daerah Seria dan mulai 16 April, 1956 berkhidmat di Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei.

PEMBUKAAN SEKOLAH2 BAHARU OLEH DYMM SULTAN BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin akan menyempurnakan istiadat pembukaan rasmi enam buah Sekolah2 yang baharu dalam daerah2 luar bandar Negeri Brunei pada hari Ithnin dan Thalatha 21 dan 22 May akan datang.

Lima buah Sekolah2 itu ialah Sekolah2 Melayu yang dibinakan dibawah Ranchangan Perkembangan Negeri Brunei, dan sabuah lagi Sekolah ialah Sekolah China.

Sekolah2 itu ialah Sekolah2 Melayu di Sinaut, Penanjong, Baru Baru, Puni dan Bokok; menekala Sekolah China tersebut ialah di daerah Tutong.

MASHUARAT JAWATAN KUASA PILEHAN PENSION

Mashuarat Jawatan Kuasa Pilehan Pension untuk orang2 tua telah diadakan di Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu.

Jawatan Kuasa Pilehan Pension itu adalah terdiri dari Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, sebagai Pengurus, dan tiga orang anggota2 mengandongi Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Pengiran Kerma Indera Mohamed dan Pengiran Haji Mohamed Salleh.

Mashuarat tersebut telah membinchangkan permintaan2 dari 15 orang2 umur tua dan akhirnya 6 orang sahaja dari jumlah itu telah diterima dan sokongan2 kapada enam orang2 itu telah dihantarkan kapada pihak Kerajaan.

GERAN2 TANAH DI MULAUT DAN DI KILANAS

Kerajaan Brunei telah menggaji sabuah Badan Penasehat dari luar negeri untuk membantu bagi menyiapkan ranchangan tali ayer dan parit2 diseluruh kawasan Mulaut dan Kilanas sahingga ka daerah yang letak jauh ka Selatan Sungei Imang.

Badan Penasehat tersebut ialah Sharikat Sir Bruce White Wolfe Barry and Partners dan mereka telah pun menjalankan pekerjaan2 menyukat didaerah2 yang bersangkutan.

Ranchangan itu adalah dijangka akan memakan masa yang lama, tetapi adalah diharapkan bahawa Mulaut dan Kilanas haruslah dapat diusahakan pembentokannya dengan sabberapa segera yang dapat diperolehi.

Berhubung dengan ranchangan tersebut, Pegawai Pertanian Negeri Brunei menyatakan bahawa Pejabatnya akan berusaha supaya kesemua tuan2 tanah yang dapat menyusun tanah2 mereka saperti chontoh yang disediakan oleh Badan Penasehat itu.

Pejabat Sukat adalah pada masa ini sedang sibok menyelenggarakan pekerjaan menyusun tanah2 yang akan disusun sechara baharu itu.

Permintaan untuk...

Permintaan untuk mendapatkan tanah2 dibahagian Utara Mulaut akan dapat ditimbangkan pada penghujung tahun ini apa bila pekerjaan menyukat tanah2 telah dijalankan dan juga geran2 tanah akan dikeluarkan dengan seberapa segera.

PENDUDOK2 BANDAR BRUNEI DIBERI AMARAN

JANGAN BUANG AYER

Penduduk2 dalam Bandar Brunei telah diberi amaran oleh State Engineer supaya menggunakan ayer dengan seberapa chermat dan janganlah membuang ayer dengan tidak tentu arah.

Sebab pun yang amaran itu telah dikeluarkan ialah bukan kerana pada masa sekarang Bandar Brunei kekurangan ayer, tetapi ialah kerana jumlah sebanyak 800,000 gallon ayer yang diperlukan oleh penduduk2 dalam Bandar Brunei pada tiap2 hari tidaklah dapat diperolehi dari Tasek pada musim kemarau.

Kerajaan sudah pun membina sebuah tangki penapis ayer yang dapat menyimpan sekurang2nya 320,000 gallon; dan pembahagian ayer dari tangki penapis itu telah mulai dijalankan pada awal tahun ini.

Dalam tahun 1949, penduduk2 dalam Bandar Brunei telah menggunakan sebanyak 80,000 gallon ayer pada tiap2 hari dan sahingga akhir tahun 1955 sebanyak 400,000 gallon ayer pada tiap2 hari telah digunakan.

Dua bulan kemudian jumlah itu telah meningkat dua kali ganda, yang bermakna penduduk2 dalam Bandar Brunei ini menggunakan sebanyak 800,000 gallon ayer pada tiap2 hari.

Tangki penapis ayer yang baharu itu di Bandar Brunei dapat membahagikan sebanyak mana keperluan ayer oleh penduduk2 dalam Bandar ini, tetapi pada musim kemarau pembahagian ayer sebagaimana yang diperlukan sekarang ini harus tidak akan dapat dibahagikan oleh Tasek.

LARANGAN KEPADA ORANG RAMAI : JANGAN NAIK MENARA

PADANG TERBANG BRUNEI DI BERAKAS

Orang ramai yang tidak bersangkutan paut dengan urusan Padang Terbang Brunei di Berakas adalah dilarang dari menaiki Menara kawalan lalu lintas udara di padang terbang itu.

Larangan itu telah dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan, ialah kerana meskipun orang ramai telah diberi tahu supaya mereka jangan naik ka menara itu jikalau mereka tidak ada urusan yang mustahak, tetapi beberapa banyak orang diantaranya ialah sabilangan Pegawai2 Kerajaan telah didapati naik diatas menara itu dengan tidak ada kebenaran.

Orang2 yang boleh menaiki menara itu ialah Penolong2 Pengawalan Lalu Lintas Udara dan anggota2 dari Pejabat2

Telecommunications atau...

Telecommunications atau Elektrik yang menjalankan pekerjaan mereka pada masa itu dan mereka dikahendaki turun dari menara itu dengan seberapa segera setelah selesai pekerjaan mereka.

Pada masa hadapan Penolong Pengawalan Lalu Lintas Udara akan mengambil nama orang2 yang menaiki menara itu dan daftar itu akan dipereksa oleh Controller of Civil Aviation.

KENYATAAN PENGUASA PEJABAT POST

Mr. Kong En Choi, Penguasa Pejabat Post, Negeri Brunei menyatakan bahawa beliau telah menerima sungutan2 dan aduan2 mulut dari orang ramai mengenai kelambatan Pejabat Post menyampaikan kepada mereka surat2 yang dikirimkan menerusi Pejabat Post.

Berhubung dengan hal tersebut, Penguasa Pejabat Post itu menyatakan bahawa oleh kerana sungutan2 dan aduan2 itu tidak disertakan dengan keterangan2 yang lengkap, maka beliau suka hendak menerangkan kepada orang ramai bahawa Pejabatnya akan berusaha dengan seberapa segera menyampaikan surat2 tersebut kepada pihak2 yang dikirimkan itu.

Penguasa Pejabat Post Negeri Brunei meminta kepada orang ramai menulis surat kepadanya dan juga menghantarkan sarong2 surat yang terlambat diterima itu supaya Pejabatnya dapat menyiasat dengan seberapa segera mengenai perkara2 yang telah berlaku itu.

BANGUNAN2 PEJABAT POST YANG BAHARU

Kerajaan Brunei akan membangunkan dua buah bangunan2 Pejabat2 Post yang baharu tidak berapa lama lagi.

Sabuah bangunan akan dibangunkan di Bandar Brunei dan sabuah lagi di Kuala Belait.

Bangunan di Bandar Brunei akan dibinakan dipenjuru Jalan Elizabeth dan Jalan Sultan, iaitu dikawasan bekas Brunei Recreation Club dihadapan Pejabat Post, Bandar Brunei sekarang ini.

Bangunan tersebut akan mengandungi Pejabat Penguasa Post, Pejabat Controller of Telecommunications, Pejabat State Electrical Engineer dan Pejabat Telephone yang baharu.

Bangunan Pejabat Post di Kuala Belait akan dibinakan dikawasan berdekatan dengan Rest House sebagai menggantikan bangunannya yang lama yang digunakan sekarang ini.

"BOMB" DIJUMPAI DI BERAKAS

Sabiji "bomb" yang telah berkarat telah dijumpai oleh

orang2 yang bekerja...

orang2 yang bekerja membina bangunan baharu Sekolah Melayu Berakas, Brunei tidak berapa lama dahulu.

"Bomb" itu telah dijumpai disatu tempat kira2 50 ela jauhnya dari simpang Jalan Berakas dan Jalan Muara.

Apabila pihak Police diberi tahu mengenai hal tersebut, maka Mr. Paul Carson, seorang Pegawai Kenderaan dari Pejabat Municipal, Bandar Brunei telah, dengan sukarela, pergi ke tempat itu dan berhasil membuang "bomb" itu ke dalam sebuah sungai.

Oleh kerana perkhidmatannya itu, maka Mr. Paul Carson telah dihadihkan wang sebanyak \$ 100 oleh Kerajaan Brunei.

PERADUAN TANAMAN DI BRUNEI

Kerajaan Brunei telah menganjorkan satu peraduan tanaman sayur terbuka kepada peladang2 Melayu pada julong2 kali di Negeri ini sedikit hari dahulu supaya dapatlah menggalakkan mereka berusaha dengan lebih giat lagi dalam perusahaannya tanaman sayur.

Buat permulaan peraduan sechara tersebut terbuka khasnya kepada penduduk2 dalam Kampong2 Melayu di Daerah Bandar Brunei.

Kampong Subok telah menang peraduan itu, menekala gelaran yang kedua telah dimenangi oleh Kampong Salar, Jalan Muara dan diturut oleh Kampong Lumapas.

Pemenang2 tersebut akan dihadihkan dengan baja2 dan Ketua2 Kampong yang menang itu atau Penghulu2 dari Kampong2 itu adalah dikahendaki mengambil hadiah2 itu dari Pejabat Pertanian, Bandar Brunei pada penghujung bulan April ini. Pada masa itu mereka akan diberi kenyataan mengenai chara2 bagaimana hendak membahagi baja2 itu diantara penduduk2 dalam Kampong2 mereka.

Adalah dijangka bahawa peraduan sechara tersebut akan terbuka kepada penduduk2 yang tinggal dilain2 daerah di Brunei pada masa ke hadapan kelak.

JUALAN PADI YANG LEBIH KAPADA KERAJAAN

Kerajaan Brunei adalah pada masa ini bersedia hendak membeli padi yang lebih satelah digunakan oleh peladang2 dalam Negeri ini dengan bayaran sebanyak 80 sen pada tiap2 satu gantang.

Padi itu akan disimpan oleh Kerajaan di Gudang Perbekalan Barang2 supaya padi yang disimpan itu dapatlah digunakan pada masa kechemasan.

Peladang2 yang mempunyai padi yang lebih itu bolehlah memberi tahu kepada Pejabat Pertanian Negeri jumlah padi yang mereka hendak menjual kepada Kerajaan.

Sahingga 1 April...

Sahingga 1 April tahun ini, pihak Kerajaan Brunei telah membeli kesemua beras yang digunakan dalam Negeri ini, dan dari masa sekarang pihak Kerajaan akan terus menyimpan padi dan juga beras.

Bagaimana pun, peladang2 dibenarkan membeli sebanyak dari 60% hingga 70% beras yang mereka kahendaki dari Negeri Siam.

Selain daripada membeli padi dari peladang2 di Brunei, Kerajaan Brunei juga akan membeli, jika mustahak, padi2 sama ada dari Borneo Utara atau pun dari Negeri Sarawak.

JEMA'AH2 HAJI TAHUN INI

Seramai 163 orang2 Islam dari Brunei akan menunaikan fardzu Haji pada tahun ini. Kebanyakan daripada mereka itu adalah terdiri dari peladang2 dan nelayan2 termasuk beberapa orang kaum ibu.

Diantara bilangan tersebut, sepuluh orang akan menunaikan fardzu Haji atas perbelanjaan Kerajaan Brunei. Tujuh orang daripadanya ialah Pegawai2 Kerajaan dan tiga orang lagi dipilih oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Pegawai2 Kerajaan itu ialah: Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohamed Salleh, Pegawai Daerah Temburong; Che' Gu Mohamed Ja'far bin Ma'un, Guru Besar, Sekolah Melayu Bangar, Temburong; Awang Tengah bin Ampuan Daud dari Temburong; Pengiran Zainal Abidin bin Pengiran Piut, Inspektor Kenderaan dari Pejabat Municipal, Bandar Brunei; Awang Besar bin Daud dari Kampong Kota Batu, Brunei; Abang Suhaili bin Orang Kaya Setia Diraja Abang Haji Bujang dari Pejabat Kehutanan, Kuala Belait; dan Pengiran Mat Sa'id bin Ahmad, Imam, Masjid Tanjong Maya, Tutong.

Tiga orang bakal jema'ah2 Haji yang telah dipilih oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei sebagai mana tersebut, ialah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja Durahim bin Ikas, dari Mukim 15, Jalan Tutong; Dato' Ratna Penghulu Ja'far bin Jamaluddin dari Kampong Kiarong, Brunei; dan Inche' Abu Bakar bin Jambol, Guru Ugama dari Tutong.

Rombongan jema'ah2 Haji dari Brunei adalah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama berjumlah seramai 82 orang, dijangka akan berangkat dari Brunei kira2 pada penghujung bulan ini ke Singapura. Mereka akan berangkat ke Jeddah dari Singapura pada 18 May bersama2 dengan jema'ah2 Haji dari lain2 negeri.

Jema'ah2 Haji bahagian yang kedua dari Brunei berjumlah seramai 81 orang akan berangkat ke Singapura pada awal bulan June dan dari sana akan berangkat ke Jeddah pada 7 June.

Jumlah bilangan jema'ah2 Haji pada tahun ini dari Brunei adalah lebih banyak lagi daripada jumlahnya pada tahun 1955 yang hanya 33 orang sahaja telah pergi menunaikan fardzu Haji.

Lebih lanjut lagi difahamkan bahawa seramai 3,467 orang dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara akan menunaikan fardzu Haji pada tahun ini.

Bilangan tersebut adalah...

Bilangan tersebut adalah mengandungi seramai 440 orang dari Sarawak, 163 orang dari Brunei dan 107 orang dari Borneo Utara, menekala bilangan jema'ah Haji dari Persekutuan Tanah Melayu adalah mengandungi 503 orang dari Johore; 450 orang dari Kedah; 394 orang dari Kelantan; 317 orang dari Perak; 307 orang dari Selangor; 158 orang dari Malacca; 143 orang dari Pulau Pinang; 132 orang dari Pahang; 125 orang dari Negeri Sembilan dan 88 orang dari Trengganu. Seramai 105 orang dari Singapura akan menunaikan fardzu Haji pada tahun ini.

KENYATAAN BAHARU PEJABAT KENDERAAN

Pejabat Kenderaan Negeri Brunei telah mengeluarkan satu Kenyataan baharu2 ini meminta kepada orang2 yang mempunyai kenderaan supaya membaharui lesen kenderaan mereka yang berakhir pada 31 March, 1956 dengan seberapa segera.

Jika sakiranya perkara tersebut tidak dilakukan, maka tindakan akan diambil oleh pihak police terhadap orang2 yang mempunyai kenderaan.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa penunggang2 basikal hendaklah menghormati Peraturan Kenderaan Jalan Raya, iaitu hendaklah mereka menunggang basikal seorang sahaja sebaris supaya dapatlah memelihara diri mereka daripada kemalangan dan barang siapa didapati melanggar peraturan itu, bolehlah didakwa oleh pihak police.

Dalam tahun 1955, sebanyak 50 basikal telah diberitakan hilang dan pihak police tidak dapat hendak memperolehi semula basikal2 yang telah hilang itu.

Oleh kerana hal sademikian, penunggang2 basikal adalah diminta supaya membeli kunchi untuk basikal2 mereka dan hendaklah mereka mengunchi basikal2 masing2 pada masa tidak menunggang basikal dan letaknya dalam kawasan bandar.

C.P.O. NEGERI BRUNEI YANG BAHARU

Mr. A.M. Outram telah dilantek menjadi Chief Police Officer yang baharu bagi Negeri Brunei dan juga sebagai Pendaftaran Pertubohan2 Negeri Brunei menggantikan jawatan2 Mr. J.G.C. Kirby-Turner mulai dari hari Rabu 21 March, 1956.

PEMERHATI2 KA PERSIDANGAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SARAWAK

Mr. D.L. Bruen dan Mr. Patrick McAfee, dua orang Pegawai2 Kerajaan yang kanan telah berangkat ka Kuching, Sarawak pada 12 April, 1956 kerana menghadiri Persidangan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak sebagai pemerhati2 dari Brunei.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No.4)

Samenjak keluaran PELITA BRUNEI bilangan yang kedua kita telah menyiarkan beberapa perkara mengenai Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Brunei sebagai mana yang telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei tempoh hari.

Undang2 Ugama Negeri Brunei yang baharu itu adalah didasarkan kepada sabuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya dalam sabuah Negeri di Persekutuan Tanah Melayu dan berbagai2 perkara telah diubahkan oleh Pihak Yang Berkuasa Negeri ini supaya Undang2 itu bersesuaian dengan keadaan dalam Negeri Brunei. Undang2 Ugama yang baharu itu telah berjalan kuat kuasanya mulai dari 1 haribulan February tahun ini.

Pada keluaran yang lalu, kita telah menyiarkan perkara2 berhubung dengan Undang2 tersebut, diantaranya ialah mengenai Sembahyang Juma'at; Minum minuman yang memabokan; Makan, minum dan sebagainya dalam bulan Puasa pada siang hari; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama; Perkara mengenai membangun Masjid; Kegunaan ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama; Iantekan Mufti; Fetua2; Jawatan Kuasa Kehakiman; Jawatan Kathi Besar Negeri Brunei; Mahkamah Kathi Besar; Permohonan mengulang bichara; Pengesah Wasiat serta lain2 perkara.

Seterusnya pada keluaran ini kita siarkan lagi perkara2 mengenai Undang2 tersebut:

Mahkamah Kathi Besar boleh, dan hendaklah, dalam mana2 perkara atau jenis perkara2 yang diperbuatkan oleh Majlis itu, atau dalam mana2 perkara yang diminta oleh mana2 bahagian yang berkenaan, sabelum membuat penyata bertulis yang demikian serahkan perkara itu kepada Jawatan Kuasa Kehakiman untok pertimbangan dan akan membuat penyata bertulis itu mengikut jawapan2 yang diberi oleh Jawatan Kuasa itu.

Satu Penyata yang bertulis yang disahkan oleh Mahkamah Kathi Besar sebagai yang telah dibuat menurut sharat2 bab ini akan diterima mengandongi fikiran atau nasehat, mengikut keadaan masing2, daripada Majlis itu.

Mahkamah Kathi Besar dan tiap2 Mahkamah Kathi hendaklah mempunyai dan menggunakan chap atau stamp bagaimana Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan membenarkan.

Tiap2 surat yang akan dikeluarkan oleh Mahkamah hendaklah mengandongi chap Mahkamah itu dan tanda tangan Pegawai yang mengetuainya.

BAHASA MELAYU hendaklah digunakan didalam Mahkamah Kathi Besar dan tiap2 Mahkamah Kathi, dan segala surat2 perkara serta perbicharaan tertulis bolehlah ditulis atau ditipe dengan huruf Jawi atau Rumi.

Tiap2 Mahkamah hendaklah menyimpan dan menjaga daftar2 yang betul dan penoh bagi segala perbicharaan dan kira2 yang betul dan penoh bagi perkara2 yang Mahkamah itu dan hendaklah bertanggung jawab bagi segala wang2 yang diterima dengan chara yang disharatkan oleh perentah2 'am atau dengan jalan yang lain mengikut bagaimana yang diperentahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

(B E R S A M B O N G)

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN

Pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei di Daerah Brunei mulai dari malam 16 April, 1956 hingga ka akhir bulan ini adalah saperti berikut:-

16 April: Kampong Pekan Lama, Brunei (Pengiran Ahmad Badar); 17 April: Kampong Ujong Bukit, Brunei (Talip bin Kapal); 18 April: Kampong Berakas (Mudim Haji Adnan); 21 April: dikawasan Rumah Sakit Kerajaan, Bandar Brunei; 23 April: Kampong Bunut, Batu Lima, dihalaman Sekolah Melayu (untuk Ketua A. Halus); 24 April: Kampong Berakas, Batu 6½ (Che' Hanafiah); 26 April: Penjara Jerudong, Jerudong; 28 April: DEWAN PEJABAT PENERANGAN, BANDAR BRUNEI; dan pada malam 30 April dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei.

MR. MARSHALL TIBA DI BRUNEI

Mr. R.F. Marshall, Penasehat kapada Perkhidmatan Mengubati Binatang2 dari Pejabat Jajahan Ta'lok British di London, England telah tiba di Brunei sedikit hari dahulu untuk menyiasat hal ehwal mengenai perubatan terhadap binatang2 dan juga memberi nasehat kapada Pejabat Mengubati Binatang2 di Brunei.

KEPUTUSAN LUKISAN POSTER HARI KESEHATAN SA DUNIA

Empat orang penuntut2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah berjaya merebut kesemua hadiah2 yang diberi dalam peraduan Lukisan Poster Hari Kesehatan Sa Dunia baharu2 ini.

Peraduan itu, mauthu'nya BINASAKAN HAMA2 YANG MEMBAWA PENYAKIT, telah diadakan dibawah anjoran Pejabat Kesehatan Negeri Brunei dengan bantuan dari Pejabat Penerangan Negeri Brunei.

Ibrahim bin Mohamed, berumur 15 tahun telah diberi hadiah yang pertama sebanyak \$ 50; menekala hadiah yang kedua sebanyak \$ 25 telah dimenangi oleh Yahya bin Mohamed Yusuf, berumur 19 tahun dan hadiah yang ketiga sebanyak \$ 10 telah diperolehi oleh Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, berumur 16 tahun. Hadiah Sagu Hati sebanyak \$ 5 telah dimenangi oleh Mahmud bin Bakir, berumur 17 tahun.

Peraduan itu telah dihakimkan oleh sabuah Jawatan Kuasa mengandongi empat orang Pegawai2 Kerajaan Negeri Brunei, iaitu Dr. M.A. Rozalla, Pegawai Perubatan Negeri; Mr. H.J. Padmore, Pegawai Pelajaran Negeri; Inche' Marsal bin Ma'un, Penguasa Pelajaran Melayu, Negeri Brunei; dan Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penulong Pegawai Penerangan Negeri.

Kesemua Lukisan2 Poster tersebut telah ditunjukan kapada orang ramai di Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei mulai dari hari Sabtu 7 April hingga hari Ithnin 9 April yang lalu.
